

10 JUL 2004

Umno-Pencalonan (Rangkuman)

HISHAMMUDDIN DAN KHAIRY MELEPASI KUOTA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan exco Pemuda Khairy Jamaluddin masing-masing telah melepasi kuota yang diperlukan untuk bertanding bagi jawatan Ketua dan Naib Ketua pergerakan itu pada pemilihan parti September ini.

Menurut maklumat yang diterima daripada pejabat Pemuda Umno di sini sehingga pukul 10 malam ini Hishammuddin menerima 73 pencalonan, Khairy (69), Datuk Mukhriz Mahathir (2), Azimi Daim (1), Datuk Seri Mohd Khir Toyo (1).

Jumlah pencalonan yang diperlukan bagi jawatan ketua Pemuda ialah 39 manakala Naib Ketua Pemuda 29.

Hishammuddin terus menerima sokongan padu daripada lapan bahagian di Johor, lima bahagian di Perak dan enam bahagian di Pulau Pinang yang selesai mengadakan persidangan perwakilan hari ini.

Pencalonan itu diterima daripada bahagian Semberong, Simpang Renggam, Kota Tinggi, Pasir Gudang, Segamat, Pengerang, Bakri dan Muar di Johor, Ipoh Barat, Teluk Intan, Parit, Kuala Kangsar dan Tapah di Perak, bahagian Bagan, Bukit Mertajam, Batu Kawan, Bayan Baru, Bukit Gelugor dan Tanjong di Pulau Pinang.

Khairy Jamaluddin, yang juga menantu kepada Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi, pula menerima pencalonan bagi jawatan Naib Ketua Pemuda daripada kesemua bahagian yang bermesyuarat hari ini kecuali bahagian Simpang Renggam yang mencalonkan Datuk Mukhriz Mahathir dan bahagian Tasek Gelugor yang mencalonkan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohd Khir Toyo.

Dalam pada itu Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz dan Naib Ketua Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil terus menerima sokongan padu daripada kesemua sembilan bahagian di Johor, enam bahagian di Perak dan lima bahagian di Pulau Pinang yang bermesyuarat hari ini.

Pencalonan dari Johor datang daripada Wanita bahagian Semberong, Kota Tinggi, Pengerang, Kluang, Parit Sulong, Simpang Renggam, Muar, Pasir Gudang dan Labis manakala di Perak ialah dari bahagian Kuala Kangsar, Ipoh Barat, Tapah, Lumut, Parit dan Teluk Intan.

Lima bahagian di Pulau Pinang ialah Bagan, Tasek Gelugor, Bayan Baru, Bukit Mertajam dan Batu Kawan serta bahagian Ampang Selangor.

Bagi perebutan jawatan Ketua Puteri Umno pula Naib Ketua pergerakan itu Noraini Ahmad terus mendahului pencabarnya iaitu Ketua Puteri Kedah Suraya Yaacob bagi merebut jawatan itu.

Noraini menerima sokongan padu daripada bahagian-bahagian Puteri Umno di Johor dan Pulau Pinang yang bermesyuarat hari ini di mana beliau menerima pencalonan daripada bahagian Semberong, Labis, Pasir Gudang, Pontian, Muar, Kota Tinggi dan Pengerang serta bahagian Bagan, Batu Kawan, Tasek Gelugor, Bayan Baru dan Bukit Gelugor.

Beliau juga menerima pencalonan daripada bahagian Kuala Kangsar, Parit dan Tapah di Perak, bahagian Kangar di Perlis

Seperti yang di jangkakan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak masing-masing terus menerima pencalonan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno daripada bahagian-bahagian Umno yang mengadakan persidangan perwakilan hari ini termasuk dari Kelantan.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa kejutan yang dilakukan oleh Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah semalam dengan menawarkan diri bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti September ini masih belum dapat mengubah pendirian para perwakilan.

Sokongan bulat dan padu masih tidak berganjak terhadap gandingan Abdullah dan Najib untuk memimpin parti dari semua bahagian Umno yang bermesyuarat hari ini iaitu bahagian Tumpat, Jeli, Baling, Merbok dan Hulu Terengganu.

Malahan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata kesemua 14 bahagian Umno di Kelantan memberi jaminan untuk tetap mencalonkan Abdullah sebagai presiden parti.

-- BERNAMA

AKT PR